



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

01 Januari 2016 / 20 Rabiulawal 1437

Nilai-Nilai Murni Dari Kehidupan Rasulullah s.a.w.

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الْمَلِكِ الْحَقِّ الْمُبِينِ الَّذِي اَبَانَ لِعِبَادِهِ مِنْ آيَاتِهِ مَا
بِهِ عِبْرَةٌ لِلْمُعْتَبِرِينَ وَاَشْهَدُ اَنْ لَا اِلَهَ اِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ
لَهُ اِلَهَ الْاَوَّلِينَ وَالْاٰخِرِينَ وَاَشْهَدُ اَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُوْلُهُ الْمَبْعُوْثُ رَحْمَةً لِّلْعٰلَمِيْنَ. اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلٰى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَّ عَلٰى اٰلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيْمًا كَثِيْرًا . اَمَّا بَعْدُ فَيَا
عِبَادَ اللّٰهِ اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوْتُنَّ اِلَّا وَاَنْتُمْ مُسْلِمُوْنَ.

Sidang jemaah yang dihormati sekalian,

Marilah bersama kita mempertingkatkan ketakwaan kita kepada Allah s.w.t. Taatilah segala perintahNya, dan hindarilah segala tegahanNya. Semoga kita menjadi Muslim yang lebih baik dari semalamnya.

Saudara sekalian,

Kita masih lagi berada pada bulan suci Rabiulawal, bulan yang diserikan dengan kelahiran penghulu Nabi dan Rasul, Nabi Muhammad s.a.w. Wajarlah kita terus melahirkan kesyukuran kepada Allah s.w.t. yang menjadikan kita umat semulia-mulia



Nabi dan Rasul. Umat yang mendapat pelbagai kelebihan kerana kemuliaan Nabinya di sisi Allah s.w.t.

Kesyukuran kita kepada Allah s.w.t. di atas anugerah ini bukan sahaja perlu dilahirkan melalui kata-kata, bacaan-bacaan, mahupun puji-pujian semata. Hamba dan umat yang benar-benar bersyukur akan merenung semula dan menghayati tujuan diutus Nabi Muhammad s.a.w. Mulakanlah renungan ini dengan meneliti tujuan yang telah banyak diperjelaskan di dalam Al-Quran. Sebagai contoh, firman Allah s.w.t. di dalam surah At-Taubah ayat 128:

لَقَدْ جَاءَكُمْ رَسُولٌ مِّنْ أَنْفُسِكُمْ عَزِيزٌ عَلَيْهِ مَا
عَنِتُّمْ حَرِيصٌ عَلَيْكُمْ بِالْمُؤْمِنِينَ رَءُوفٌ
رَّحِيمٌ


Yang bermaksud: *“Sesungguhnya telah datang kepada kamu seorang Rasul dari kalanganmu (iaitu Nabi Muhammad s.a.w.), sangat berat kepadanya sebarang kesusahan yang kamu alami, (Baginda) sangat prihatin terhadap kebaikan bagi kamu, (Baginda) sangat belas serta kasih kepada mereka yang beriman”*.

Firman Allah s.w.t. juga di dalam surah Al-Maidah ayat 15 dan 16:


 قَدْ جَاءَكُمْ مِنَ اللَّهِ نُورٌ وَكِتَابٌ مُبِينٌ
 يَهْدِي بِهِ اللَّهُ مَنِ اتَّبَعَ رِضْوَانَهُ سُبُلَ السَّلَامِ
 وَيُخْرِجُهُم مِّنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ بِإِذْنِهِ
 وَيَهْدِيهِمْ إِلَى صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ
 

Yang bermaksud: “Sesungguhnya telah datang kepada kamu dari Allah s.w.t. cahaya dan sebuah Kitab yang jelas keterangannya. Dengannya Allah menunjukkan jalan-jalan keselamatan serta kesejahteraan kepada sesiapa yang mengikut keredaanNya, dan (dengannya) Tuhan keluarkan mereka dari kegelapan kepada cahaya yang terang-benderang dengan izinNya, dan (dengannya juga) Tuhan menunjukkan mereka ke jalan yang lurus”.

FirmanNya lagi di dalam surah Al-Anbiya’ ayat 107:


 وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ

Yang bermaksud: “Dan tidak kami utus kamu (wahai Nabi Muhammad s.a.w.) selain menjadi rahmat bagi seluruh alam”.

Saudara sekalian,

Ayat-ayat ini menjelaskan bahawa kedatangan Nabi Muhammad s.a.w. adalah cahaya yang menyinari jalan keselamatan dan membawa kebahagiaan dalam segenap aspek kehidupan. Bahkan seluruh kehidupan Baginda s.a.w. adalah contoh bagi jalan tersebut. Apabila kita meneliti setiap kitab

sirah kehidupan Baginda, kita dapati tidak ada suatu pun aspek kehidupan yang sunyi dari petunjuk serta panduan Nabi Muhammad s.a.w. Ia merangkumi hubungan Baginda dengan Penciptanya, seterusnya sesama manusia, samada keluarga, pengikut, jiran, teman, musuh dan lawan, mahupun persekitaran.

Allah s.w.t. berfirman di dalam Surah Al-Ahzab, ayat 21:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ
الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Yang bermaksud: *“Sesungguhnya telah ada pada diri Rasulullah itu suri teladan yang baik bagimu (yaitu) bagi orang-orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah”.*

Oleh itu, peranan kita adalah untuk benar-benar menghayati dan merenungkan nilai yang dibawa dan diajarkan oleh Rasulullah s.a.w., dan bagaimana seharusnya nilai-nilai tersebut diterjemahkan di dalam kehidupan masakini.

Sebagai contoh, diriwayatkan bahawa Nabi Muhammad s.a.w. pernah bersabda yang bermaksud: *“Tuhanku memerintahkan aku sembilan perkara; ikhlas sama ada bersendirian mahupun di khalayak ramai, berlaku adil dalam keadaan reda dan marah, berjimat-cermat ketika kaya dan susah, memaafkan orang yang menzalimiku, menyambung perhubungan orang yang*

memutuskan hubungan bersamaku, memberi kepada orang yang bersifat lokek kepadaku, hendaklah aku menjadikan perbicaraanku sebagai zikir, diamku untuk berfikir, dan pemandanganku sebagai satu pelajaran". [Hadith riwayat Imam al-Tabrizi di dalam kitab Misykat al-Masabih]

Nilai-nilai yang diajarkan Nabi Muhammad s.a.w. di atas pastinya hanya akan membawa keuntungan yang berkekalan. Nilai-nilai tersebut membantu kita mengatasi segala perbezaan dan persengketaan. Nilai-nilai yang bukan sahaja meninggikan martabat kita di sisi Allah s.w.t., tetapi memuliakan kita pada pandangan manusia. Nilai-nilai yang tidak lapok ditelan zaman, tidak berubah sama ada kita duduk bersemuka ataupun menggunakan *skype*, mahupun berkomunikasi dengan menggunakan media sosial.

Ingatlah saudara, alat dan perantaraan pastinya berubah. Ianya hanya akan menjadi semakin canggih lagi pantas. Namun, yang menggunakannya, tetap adalah manusia. Ciri-ciri kemanusiaan tetap perlu kekal sama. Oleh itu, kita sangat memerlukan nilai-nilai yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad s.a.w.

Nilai-nilai sedemikian akan membina kekuatan moral dan keutuhan rohani, lantas memantapkan lagi keyakinan kita untuk berhadapan dengan pelbagai perubahan dan cabaran kehidupan masakini.

Matlamatnya adalah masyarakat Islam yang kukuh akidahnya, murni akhlaknya, tinggi lagi mendalam pemahamannya, berprinsip, menyemarakkan semangat kejiranan, bertolak ansur, yakin dengan kepelbagaian, dan sentiasa memberi sumbangan positif ke arah pembangunan masyarakat dan kemakmuran negara.

InshaAllah, pada tahun 2016 yang baru mengunjung tiba, mimbar akan mengutarakan nilai-nilai yang diajarkan Islam dan yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad s.a.w., bermula dengan nilai kemaafan.

Semoga khutbah ini dapat membangkitkan semangat kita menghidupkan nilai-nilai Islam yang sangat suci. Semoga dengannya, keimanan kita lebih terpancar, kebaikan dan kebaktian kita lebih menyerlah, dan kedudukan kita menjadi lebih mulia di sisi Allah s.w.t. dan manusia.

Amin Ya Rabbal 'Alamin.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.